

28/12/1997

Budaya aset bernilai industri pelancongan: Mahathir

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keindahan, kemakmuran dan kesejahteraan negara serta gaya dan budaya hidup masyarakat negara ini adalah aset bernilai dalam pembangunan industri pelancongan negara.

Oleh itu, ia hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya demi kepentingan ekonomi negara, kata Dr Mahathir dalam kata-kata aluannya dalam buku cenderamata majlis pelancaran Tahun Sukan dan Rekreasi 1998.

Dr Mahathir berkata adat resam dan budaya hidup masyarakat yang berbilang kaum juga boleh menjadi daya tarikan yang kuat untuk pelancong asing datang ke negara ini.

"Negara kita yang indah ini mempunyai daya tarikan alam semula jadi yang mempesonakan," katanya.

Katanya, persaingan hebat dalam pasaran pelancongan antarabangsa sekarang memerlukan Malaysia melancarkan strategi industri pelancongan yang agresif dan mapan untuk terus cemerlang.

Perdana Menteri berkata sungguhpun nama Malaysia kini dikenali oleh masyarakat antarabangsa, usaha untuk menarik minat dan keinginan masyarakat antarabangsa berkunjung ke Malaysia harus dipertingkatkan lagi secara berterusan.

Beliau yakin program Tahun Sukan dan Rekreasi 1998 menjadi satu strategi pemasaran berkesan ke arah kecemerlangan dalam industri pelancongan di negara ini. - Bernama

(END)